



UMUR: 25
TARIKH LAHIR: 14-5-65
UKURAN TINGGI: 179cm
STATUS: Bujang
KEDUDUKAN DALAM KELUARGA: Kedua dari tiga adik-beradik lelaki dan tiga adik-beradik perempuan.
TEMPAT LAHIR: Kampung Meru, Klang.
KERJAYA SILAT: Mewakili Selangor sejak berumur 14 tahun 1986 dan Malaysia 1987.
JENIS SILAT: Silat Jawa Cemandey, Silat Sabit Indera Sakti, Abiad Asli Jebet Kilat, Pertubuhan Seni Silat Gayong Malaysia.
PENCAPAIAN: Pingat emas kategori F 65-70kg dalam kejohanan dunia di Amsterdam. Pemenang emas dalam Pesta Sukan Brunei Darussalam. Emas dalam kejohanan jemputan Terbuka Malaysia.

RUZAI DI ABDUL RAHMAN

Jagoan silat hayati dunia perfileman

13 APR 1991

ANTARA sukan dan kerjaya, dua faktor pendorong jika disatukan akan menjadi kombinasi mantap ke arah melonjakkan cita-cita seseorang individu itu.

Dua bidang berlainan tetapi mempunyai kekuatan jitu jika diadunkan mendorong pesilat kebangsaan, Ruzaidi Abdul Rahman, ke arah zaman kegemilangan, jika citarasanya memenuhi cita-cita.

Ruzaidi, 26, jejaka tegap dan tinggi lampai, bukan saja ingin berjaya dalam dunia silat tetapi bercita-cita tinggi iaitu menjadi bintang filem aksi terkenal.

Kini, jaguh yang menempa nama dalam dunia persilatan, berhajat merakamkan drama dan aksinya yang tangkas di gelanggang, ke layar perak.

Ruzaidi bukanlah nama baru dalam dunia silat tempatan dan di

peringkat antarabangsa dia kini menjadi jaguh dunia dalam kategori F.

"Hajat saya untuk menjadi pesilat terbaik dunia dalam kategori F tertunai dan berharap penerjunan saya di bidang lakonan membuahkan hasil," kata Ruzaidi, yang dipilih menjadi hero filem Kelisa, keluaran sebuah syarikat perfileman tempatan.

Turut membintangi filem itu ialah juara Mr Asia empat kali, Abdul Malek Noor dan penyanyi, Sima, yang juga pemegang tali pinggang hitam taekwondo.

Ruzaidi yang berasal dari Meru, Klang, terbabit dalam silat sejak kecil. Minatnya semakin menebal apabila mula mempelajari pelbagai jenis silat seperti Cimande, gayung dan silat-silat tua.

"Selepas yakin apa yang dipela-

jari, saya cuba menguji keupayaan dengan menyertai kejohanan pertama iaitu silat olahraga Kebangsaan pada 1986. Nasib saya baik kerana layak ke akhir kategori F tetapi tewas kepada pesilat kebangsaan, Wan Aminuddin Baki," katanya.

Berdasarkan prestasi itu, menyakinkan Ruzaidi yang turun ke kategori F kerana kehadiran Wan Aminuddin, cuba gelanggang lebih luas, iaitu peringkat antarabangsa.

Bagaimanapun harapannya musnah dalam kejohanan Silat Olahraga Sedunia pada 1987, kerana disekat oleh peserta Jerman.

PERSATUAN PENULIS-PENULIS SUKAN MALAYSIA



BENSON & HEDGES

ANUGERAH EMAS



22HB APRIL 1991

"Saya malu kerana tewas kepada peserta asing, tetapi kegagalan itu mendorong saya berlatih lebih keras dan berjanji menebus kekecewaan itu satu masa nanti," katanya.

8. Harian (M)

Untuk memenuhi cita-citanya itu, Ruzaidi mendera dirinya dengan jadual latihan yang ketat. Setiap hari dia berlatih dengan pelbagai corak latihan daripada angkat berat hinggalah berjoging.

Bintangnya terus menyinar setelah dua tahun memasuki gelanggang dengan menjuarai pelbagai kejohanan silat peringkat negeri, silat olahraga kebangsaan (1988); Sukan SEA, Juara Selangor (1989); dunia dan juara Terbuka Malaysia (1990).

"Keupayaan merangkul pingat emas silat sedunia di Amsterdam, Belanda, adalah kemuncak karier saya sebagai ahli sukan setakat ini. Saya berazam untuk meningkatkan lagi prestasi pada tahun akan datang, di samping berjaya dalam lapangan perfileman," katanya.

13 APR 1991

Dalam kejohanan sedunia itu, Ruzaidi, menumpaskan pencabar dari Switzerland, Belanda dan Indonesia. Pada peringkat akhir dia menewaskan pencabar dari Belgium.

Sebagai jurulatih sepenuh masa Pertubuhan Silat Seni Gayung Malaysia, Ruzaidi bercadang memperkembangkan ke peringkat kelab dan negeri.